

Jana kecemerlangan termasuk lahir modal insan berkualiti

FST cemerlang dalam usia sedekad

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**

utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 10 Dis. - Warga Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai dekat sini meraikan penubuhan sedekad fakulti berkenaan menerusi penganjuran Sambutan 10 FST bertemakan *Memacu Kecemerlangan Menerusi Inovasi*.

FST yang mula beroperasi pada 1 Disember 2003 dengan kemasukan seramai 43 penuntut bagi sesi akademik 2004/2005 menawarkan program sulungnya, Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan).

Dalam tempoh 10 tahun, FST menjana kecemerlangan dalam pelbagai aspek termasuk melahirkan modal insan berkualiti menerusi lapan program yang ditawarkan masa kini, selain pencapaian penciptaan yang membanggakan bukan sahaja diiktiraf di peringkat tempatan malah di persada antarabangsa.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية في ماليزيا
ISLAMIC SCIENCES UNIVERSITY OF MALAYSIA

Sehubungan itu, pihak fakulti dengan sokongan pengurusan universiti telah mengambil inisiatif menganjurkan sambutan FST sedekad dalam menghargai penuntut, pensyarah termasuk ahli alumninya.

Antara pengisian utama yang membuka tirai sambutan 10 tahun adalah penganjuran program Sireh Pulang Ke Gagang Alumni FST (SPRINGFAST) pada 1 Disember lalu yang bertujuan menghimpunkan kembali para alumni fakulti.

Di samping itu, Mesyuarat Agung Alumni FST, Dialog Ikon Alumni FST bersama penuntut dan Pertandingan Boling Persahabatan Alumni bersama Pensyarah turut diadakan sempena program tersebut.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin, FST berjaya menonjolkan keistimewannya melalui pelaksanaan program akademik yang unik iaitu mengintegrasikan ilmu al-Quran dan Sunnah (naqli) dengan sokongan ilmu moden (aqli) untuk di-

hayati oleh penuntutnya.

“Walaupun menjadikan Sains sebagai asas, ia turut diadun bersama ilmu Islam yang akhirnya menghasilkan elemen Sains Islam secara jelas kepada masyarakat.

“Kemampuan FST untuk menawarkan pelbagai pilihan program akademik iaitu lapan program adalah amat baik. Antara program yang ditawarkan kini adalah Sains Aktuari & Pengurusan Risiko, Sains Komputer (Keselamatan & Jaminan Maklumat), Matematik Kewangan, Fizik Gunaan, Teknologi Kimia Industri, Seni Bina dan terkini Kejuruteraan Elektronik,” katanya ketika berucap dalam majlis perasmian sambutan berkenaan di sini baru-baru ini.

Tambahnya, antara kejayaan lain FST adalah menyediakan tenaga pensyarah muda aktif yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah (PhD) sebanyak 80 peratus, telah melangkaui sasaran universiti iaitu 60 peratus.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail; Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Dekan FST, Prof. Dr. Bchok M dan Bekas Dekan FST, Prof. Emeritus Dr. Jalani Sukaimi.



ABDUL Shukor Husin (kiri) menandatangani kad sebagai simbolik perasmian Sambutan 10 FST sambil disaksikan Asma Ismail (tiga dari kanan) di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.